

PRINSIP-PRINSIP ‘IBĀD AL-RAḤMĀN SEBAGAI PANDUAN GENERASI Z DALAM MENGHADAPI CABARAN KONTEMPORARI

THE PRINCIPLES OF ‘IBĀD AL-RAḤMĀN AS A GUIDING FRAMEWORK FOR GENERATION Z IN NAVIGATING CONTEMPORARY CHALLENGES

Siti Nurwanis Mohamed^{1*}
Monika@Munirah Abd Razzak²
Sabirin Yusoff³
Siti Nuroh Mohamed⁴

¹Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).

Email: ctnurwanis@gmail.com; <https://orcid.org/0009-0001-4708-3099>

²Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).

Email: munirahar@um.edu.my; <https://orcid.org/0000-0002-5254-067X>

³Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Email: zaim@kias.edu.my; <https://orcid.org/0009-0002-2628-4243>

⁴Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Email: sitinuroh@kias.edu.my; <https://orcid.org/0009-0004-0793-2529>

Article history

Received date : 5-8-2026

Revised date : 6-8-2026

Accepted date : 12-9-2026

Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Mohamed, S. N., Abd Razzak, M. M., Yusoff, S., & Mohamed, S. N. (2026). Prinsip-prinsip ‘ibād al-Raḥmān sebagai panduan Generasi Z dalam menghadapi cabaran kontemporari. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 268 – 283.

Abstrak: Generasi Z berhadapan dengan pelbagai cabaran kontemporari yang kompleks khususnya pada era digitalisasi seperti syirik moden, jenayah bunuh dan zina, kecenderungan terhadap gaya hidup yang bertentangan dengan nilai moral dan agama serta tekanan sosial di alam maya. Oleh yang demikian, keperluan terhadap panduan berasaskan nilai al-Quran menjadi semakin signifikan bagi membentuk daya tahan diri yang seimbang. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis prinsip ‘ibād al-Raḥmān dalam surah al-Furqan ayat 68 hingga 72 sebagai kerangka panduan bagi Generasi Z dalam mendepani cabaran semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis tematik terhadap ayat terpilih dengan meneliti makna teks berpandukan tafsiran para mufasir serta mengaitkannya dengan realiti cabaran psikososial Generasi Z. Hasil kajian mengenal pasti tiga tema utama yang membentuk kerangka nilai iaitu: (1) pembentukan watak unggul dengan keteguhan tauhid dan menjauhi dosa besar, (2) pemulihan jiwa dengan konsep taubat dan harapan serta (3) pembinaan integriti dan penolakan perkara sia-sia bagi memantapkan etika komunikasi dan kematangan emosi di alam maya. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga prinsip ‘ibād al-raḥmān tersebut menyediakan satu kerangka psikospiritual yang tuntas dan relevan dalam membimbing Generasi Z ke arah kehidupan yang lebih beretika. Kajian ini mencadangkan agar kefahaman holistik ini diintegrasikan dalam pembangunan

modul intervensi sosial dan silibus literasi digital bagi memperkukuh jati diri generasi muda dalam menghadapi arus teknologi kontemporari.

Kata Kunci: *Cabaran Kontemporari; Generasi Z; ‘Ibād al-Raḥmān; Kerangka Psikospiritual; Tafsir al-Quran*

Abstract: *Generation Z confronts a myriad of complex contemporary challenges, particularly in the era of digitalization, such as modern forms of polytheism (shirk), the crimes of murder and fornication, a propensity for lifestyles that contradict moral and religious values, and virtual social pressures. Consequently, the necessity for guidance rooted in Quranic values has become increasingly significant in cultivating balanced personal resilience. Accordingly, this study aims to analyze the principles of ‘ibād al-Raḥmān as elucidated in surah al-Furqan, verses 68 to 72, as a guiding framework for Generation Z in navigating contemporary challenges. Employing a qualitative approach, this research utilizes thematic analysis of the selected verses by examining their textual meanings, guided by the interpretations of exegetes (mufasirūn), and subsequently contextualizing them within the realities of Generation Z's psychosocial challenges. The findings identify three primary themes that constitute this value framework: (1) the formation of an exemplary character through steadfast monotheism (tawhid) and the avoidance of major sins; (2) spiritual rehabilitation through the concepts of repentance (tawbah) and hope; also (3) the cultivation of integrity and the rejection of futile actions to fortify ethical communication and emotional maturity in the virtual realm. Overall, the findings demonstrate that these three principles of ‘ibād al-Raḥmān provide a comprehensive and relevant psychospiritual framework for guiding Generation Z toward a more ethical lifestyle. This study suggests that this holistic understanding be integrated into the development of social intervention modules and digital literacy syllabi to fortify the identity of the younger generation in confronting the currents of contemporary technology.*

Keywords: *Contemporary Challenges; Generation Z; ‘Ibād al-Raḥmān; Quranic Interpretation; Psychospiritual Framework*

Pengenalan

Kemunculan alaf ke-21 seiring dengan Revolusi Industri 4.0 telah melahirkan satu demografi masyarakat yang unik yang dikenali sebagai Generasi Z (Gen Z). Demografi ini secara umumnya merangkumi individu yang lahir antara pertengahan tahun 1990-an hingga awal tahun 2010-an, iaitu golongan yang sebahagian besarnya masih menuntut di institusi pendidikan atau baru mula menjejaki alam kerjaya (Jayatissa, 2023). Memandangkan mereka membesar dalam kepesatan teknologi maklumat dan internet, golongan ini sering digelar sebagai peribumi digital (Szymkowiak et al., 2021). Realiti kehidupan Generasi Z amat berbeza dengan generasi terdahulu kerana sebahagian besar interaksi, pembelajaran dan sistem nilai mereka dibentuk serta dipengaruhi oleh ekosistem dunia maya yang tiada sempadan (Sirajul et al., 2021).

Walau bagaimanapun, keistimewaan hidup dalam era keterhubungan digital datang bersama pelbagai cabaran kontemporari yang sangat kompleks. Akses maklumat yang tidak tertapis dan pendedahan kepada budaya global secara meluas telah meletakkan Generasi Z dalam risiko krisis identiti yang meruncing (Brodsky et al., 2021). Mereka sering kali berhadapan dengan tekanan rakan sebaya yang hebat di platform media sosial, dorongan ke arah gaya hidup materialistik, serta kecenderungan terhadap ideologi yang bertentangan dengan nilai moral

agama (Razali et al., 2019). Situasi tersebut membarah apabila kebebasan di dunia siber mula menormalisasikan pelbagai tingkah laku negatif yang mengubah landskap kelaziman komunikasi dan merosakkan fitrah kemanusiaan (Nurul & Jamaluddin, 2019).

Tekanan persekitaran yang berterusan itu secara tidak langsung memberi implikasi yang mendalam terhadap kesejahteraan psikososial dan spiritual Generasi Z. Pendedahan kepada gaya hidup yang berteraskan kepuasan sementara menerusi peranti pintar sering kali menatijahkan kekosongan jiwa, kemurungan dan kecelaruan identiti (Rather & Khazer, 2019). Natijah daripada kelompongan rohani, maka tidak menghairankan apabila sebahagian generasi muda masa kini semakin mudah terjerumus ke dalam kancah dosa besar yang membinasakan seperti amalan syirik moden, jenayah yang membawa kepada pembunuhan, perlakuan zina serta budaya fitnah siber di alam maya (Mohamad et al., 2025). Oleh yang demikian, dalam mendepani kemelut tersebut, kebergantungan semata-mata kepada solusi luaran mahupun pendekatan motivasi konvensional tidak memadai. Terdapat keperluan yang amat mendesak terhadap satu panduan yang teguh berasaskan petunjuk al-Quran dan hadis bagi membentuk daya tahan diri secara seimbang dari aspek fizikal, mental dan rohani (Abd Razzak et al., 2023).

Sebagai agama yang syumul, Islam sentiasa menawarkan jalan penyelesaian yang relevan merentasi zaman melalui panduan al-Quran bagi memandu keluhuran akal generasi muda (Nor et al., 2023). Salah satu kerangka peribadi unggul yang digariskan oleh Allah SWT adalah melalui karakter *'ibād al-raḥmān* iaitu hamba Tuhan Yang Maha Pemurah sebagaimana yang dirakamkan secara terperinci dalam surah al-Furqan. Istilah ini tidak sekadar merujuk kepada gelaran spiritual, sebaliknya ia merangkumi satu sistem nilai dan manual pembentukan karakter holistik yang memandu manusia ke arah keperibadian yang berintegriti dan bertauhid tinggi. Pendekatan menyebarkan keluhuran ayat suci al-Quran ke dalam jiwa belia turut menuntut pemeraksanaan medium semasa termasuklah memanfaatkan peranan pempengaruh digital yang beretika di alam maya (Mohamed et al., 2025).

Secara spesifiknya, sifat *'ibād al-raḥmān* yang diunjurkan dalam surah al-Furqan ayat 68 hingga 72 menyentuh secara langsung solusi kepada permasalahan akar yang dihadapi oleh generasi muda. Ayat tersebut menitikberatkan tiga tema utama yang membentuk kerangka nilai kehidupan. Tema pertama menggariskan pembentukan watak unggul dengan keteguhan tauhid dan menjauhi dosa besar, tema kedua menekankan pemulihan jiwa dengan konsep taubat dan harapan dan tema ketiga menggariskan pembinaan integriti dan penolakan perkara sia-sia bagi memantapkan etika komunikasi dan kematangan emosi di alam maya, khususnya kepada Generasi Z.

Justeru, artikel ini ditulis untuk mengkaji dan menganalisis prinsip-prinsip *'ibād al-raḥmān* berdasarkan ayat 68 hingga 72 surah al-Furqan. Hasil analisis kemudiannya diangkat sebagai satu kerangka panduan psikospiritual yang praktikal dan relevan bagi membantu Gen Z memperkukuh jati diri, membina kompas moral yang teguh serta mendepani pelbagai cabaran kontemporari pada era digitalisasi dengan lebih beretika dan bermakna.

Skop dan Metodologi

Artikel memfokuskan kepada cabaran kontemporari yang mendepani Gen Z yang merangkumi krisis identiti, tekanan sosial serta gaya hidup yang bertentangan dengan lunas moral dan agama. Bagi menangani isu tersebut, kerangka nilai dan keperibadian *'ibād al-raḥmān* dicadangkan sebagai panduan psikospiritual yang boleh diimplementasikan oleh mereka bagi membentuk daya tahan diri yang seimbang. Penulis membincangkan prinsip ini dari perspektif

al-Quran dengan memfokuskan kepada tiga tema utama yang membentuk kerangka nilai kehidupan. Bagi merungkai tema tersebut, ayat 68 hingga 72 daripada surah al-Furqan dianalisis secara mendalam bagi menjawab objektif yang digariskan. Realiti cabaran kehidupan Gen Z pada era digital masa kini turut disentuh bagi memperlihatkan kerelevanan teks dan nilai al-Quran dalam menyediakan kerangka penyelesaian terhadap fenomena sosial yang berlaku dalam kalangan mereka.

Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan analisis tematik. Proses reka bentuk analisis tematik dilaksanakan secara berstruktur melalui pengekodan teks dan makna nas al-Quran berserta tafsirannya kepada tiga tema utama, sebelum data tersebut disintesis secara silang dengan sorotan isu-isu semasa Gen Z. Bagi merungkai dapatan kajian mengenai makna teks ayat al-Quran yang dipilih, pengkaji merujuk lima buah kitab tafsir sebagai sumber primer iaitu *Tafsīr al-Ṭabarī* oleh Abū Jaʿafar Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Qurʾān al-ʿAẓīm* oleh ʿImād al-Dīn Abī al-Fidā ʿIsmāʿil bin Kathīr al-Dimashqī, *Tafsīr Fī Zilāl al-Qurʾān* oleh Sayyīd Quṭb, *Tafsīr al-Munīr fī al-ʿAqīdah wa al-Sharīʿah wa al-Manhaj* oleh Wahbah al-Zuhaylī dan *Tafsīr al-Azhar* oleh Hamka. Seterusnya, sumber primer bagi mendapatkan data mengenai tingkah laku, psikologi dan cabaran semasa Gen Z diperoleh daripada buku, tesis dan artikel jurnal akademik yang berkaitan. Kesemua data tersebut didokong oleh sumber sekunder daripada sorotan literatur yang selari dengan tema perbincangan.

Dapatan Hasil Kajian

Analisis Teks: Pegangan Tauhid dan Penolakan Dosa Besar

Prinsip pertama *ibād al-Raḥmān* dalam surah al-Furqan ayat 68 mengutamakan pegangan tauhid kepada Allah SWT dan penolakan dosa-dosa besar. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا ٦٨

Terjemahan:

“Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya.”

(QS al-Furqan: 68)

Ayat ini menggariskan tiga bentuk jenayah utama yang wajib di jauhi oleh orang-orang beriman. Al-Ṭabarī (1999) dalam tafsirnya menjelaskan bahawa manifestasi pertama ialah mengesakan Allah SWT tanpa menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun. Berhubung larangan membunuh jiwa, beliau memperincikan bahawa pengecualian bagi alasan yang hak merujuk kepada pelaksanaan yang dibenarkan syarak seperti perundangan *qisās*, hukuman ke atas golongan murtad atau penzina *muḥṣan*. Tafsirannya turut menegaskan bahawa perbuatan zina dilarang sama sekali dan pelaku ketiga-tiga dosa tersebut akan berhadapan dengan *athāmā* iaitu balasan dosa yang berat di akhirat kelak.

Manakala Ibn Kathīr (2000) menyoroti perkaitan ayat 68 surah al-Furqan dengan senarai dosa-dosa besar yang sentiasa diberikan amaran oleh Nabi Muhammad SAW. Beliau menekankan

bahawa syirik, pembunuhan dan zina menduduki hierarki tertinggi dalam kemungkaran. Selari dengan pandangan al-Ṭabarī, beliau menjelaskan bahawa pembunuhan secara hak adalah terikat sepenuhnya dengan pelaksanaan perundangan syariah dan bukannya pertimbangan individu. Tambahan pula, Ibn Kathīr mentafsirkan kalimah *athāmā* sebagai perlambangan kepada lembah di neraka Jahannam yang penuh dengan seksaan pedih, sekaligus memberikan amaran keras terhadap implikasi pelanggaran batasan tersebut.

Seterusnya, Sayyīd Quṭb (1992) melihat dari dimensi kesucian jiwa dan pembinaan sistem masyarakat. Beliau mentafsirkan penolakan dosa-dosa besar sebagai manifestasi kesucian akidah bertunjangkan tauhid, penghormatan terhadap nilai kehidupan serta penjagaan kehormatan keturunan. Pandangan ini diperkukuhkan oleh al-Zuhaylī (1997) yang menyatakan bahawa ketiga-tiga dosa tersebut menafikan hakikat kemanusiaan itu sendiri. Menurut beliau, syirik menafikan hak Allah SWT sebagai Tuhan yang mutlak, pembunuhan merupakan kejahatan terhadap kemanusiaan, manakala zina adalah perbuatan keji yang meruntuhkan institusi keluarga serta struktur moral masyarakat. Balasan *athāmā* adalah natijah keadilan yang setimpal dengan kerosakan sistemik yang ditimbulkan.

Bagi melengkapkan perbincangan, Hamka (2007) memberikan penekanan terhadap aspek moral dan sosial yang amat relevan. Beliau menyatakan bahawa golongan *‘ibād al-rahmān* memiliki keteguhan tauhid yang membebaskan jiwa mereka daripada perhambaan kebendaan dan hawa nafsu. Hamka turut memberi peringatan bahawa zina bukan sekadar jenayah peribadi, bahkan ia merupakan barah sosial yang memusnahkan akhlak masyarakat. Beliau mengaitkan *athāmā* dengan kehinaan yang akan dialami oleh pelaku di dunia sebelum menerima azab di akhirat, selain mengingatkan bahawa ketiga-tiga dosa ini saling berkait rapat dan berpotensi mengheret pelakunya kepada rantai kejahatan yang berterusan.

Rumusannya, para mufasir sepakat bahawa ayat 68 surah al-Furqan adalah ancaman yang sangat keras bagi pelaku dosa-dosa besar seperti syirik, membunuh tanpa hak dan berzina. Azab yang dilipatgandakan dan kekalnya dalam keadaan terhina di neraka, adalah balasan yang setimpal bagi perbuatan pelaku.

Analisis Teks: Konsep Taubat dan Harapan

Prinsip kedua *‘ibād al-Rahmān* dalam surah al-Furqan ayat 70 dan 71 pula mengenai konsep taubat dan harapan. Firman Allah SWT:

إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا فَأُولَٰئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ٧٠ وَمَنْ تَابَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَإِنَّهُ يَتُوبُ إِلَى اللَّهِ مَتَابًا ٧١

Terjemahan:

“Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu, Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan; dan adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (70). Dan sesiapa yang bertaubat serta beramal soleh, maka sesungguhnya (dengan itu) ia bertaubat kepada Tuhannya dengan sebenar-benar taubat (71).”

(QS al-Furqan: 70-71)

Ayat-ayat ini merakamkan pengecualian dan rahmat Allah SWT kepada golongan yang pernah terjerumus dalam dosa besar. Ia bermula dengan penawaran keampunan yang luas, lalu beralih

kepada pengisytiharan kualiti taubat yang menuntut komitmen amal soleh berterusan. Al-Ṭabarī (1999) menekankan bahawa Allah SWT menggunakan pendekatan rahmat bagi membatalkan sifat putus asa hamba-Nya. Beliau menyatakan bahawa, pertukaran kejahatan kepada kebaikan bermaksud Allah menggantikan dosa masa lalu dengan amal soleh serta menukar sifat buruk yang mendorong maksiat kepada sifat baik yang memacu ketaatan. Tafsir ini juga menyorot bahawa seseorang itu wajib meninggalkan dosa, menyesalnya dan berazam tidak mengulangnya lagi bagi mencapai kualiti taubat yang tulus.

Manakala Ibn Kathīr (2000) menekankan aspek taubat, iman dan amal soleh dalam ayat tersebut. Beliau menjelaskan bahawa Allah SWT menggantikan perbuatan buruk dengan perbuatan baik di masa hadapan serta pahala di hari kiamat sebagai bukti keluasan rahmat-Nya. Penegasan bahawa taubat perlu diiringi dengan ketaatan adalah hujah yang kuat bagi menolak penyesalan yang hanya bersifat lisan. Tafsirannya juga menunjukkan bahawa pengampunan Allah membina kefahaman perubahan diri secara bertahap.

Sayyīd Quṭb (1992) pula menyatakan bahawa ayat ini memberi perhatian dari aspek rohani dan psikologi. Beliau melihat bahawa ia bukan sekadar menjanjikan pemedaman rekod amalan buruk, tetapi membina kesedaran perubahan total dalam jiwa dan tingkah laku. Penekanan kepada pertukaran sejarah keburukan menjadi kebaikan menunjukkan hubungan antara taubat yang sebenar dan pemulihan rohani. Sayyīd Quṭb juga mentafsirkan bahawa taubat yang diterima akan mengarahkan seluruh hidup individu kepada ketaatan.

Seterusnya, Wahbah al-Zuhaylī (1997) menjelaskan bahawa ayat ini mengandungi pelajaran tentang kunci dan syarat penerimaan taubat. Beliau tidak hanya menumpukan kepada pengampunan, malah mengajak hamba Allah membudayakan amal soleh secara konsisten. Beliau menekankan bahawa taubat nasuha membawa kepada pembersihan jiwa dan peningkatan darjat, menunjukkan aspek harapan dan kemurahan Allah dalam memandu manusia. Tafsirannya menggabungkan aspek akidah, syariah dan akhlak dalam memahami ayat.

Tambahan lagi, Hamka (2007) menggunakan pendekatan yang sangat relevan bagi memulihkan masyarakat iaitu pembinaan harapan. Beliau menyatakan ayat ini menunjukkan bahawa taubat bukan sekadar ucapan kosong, tetapi satu bentuk kesedaran yang lahir daripada penyesalan mendalam dan keazaman fizikal. Hamka turut menekankan bahawa transformasi mengubah hati yang dahulunya cenderung kepada maksiat menjadi sentiasa berpaut pada kebaikan.

Kesimpulannya, ayat 70 dari surah al-Furqan secara konsisten ditafsirkan oleh para ulama sebagai ayat yang penuh harapan dan rahmat. Ia menegaskan bahawa pintu taubat sentiasa terbuka bagi sesiapa sahaja yang bertaubat dengan ikhlas, beriman dan melakukan amal soleh. Manakala ayat 71 surah al-Furqan menggariskan kepentingan taubat yang tulus dan ikhlas, disertai dengan amal soleh. Taubat bukan sekadar ucapan lisan, tetapi ia adalah perubahan menyeluruh dalam diri individu, dari meninggalkan dosa kepada melakukan ketaatan. Allah SWT dengan rahmat-Nya yang luas akan menerima taubat hamba-Nya bahkan mengubah keburukan-keburukan mereka menjadi kebaikan, sebagai ganjaran atas kesungguhan mereka dalam bertaubat dan beramal soleh. Ayat ini memberikan harapan dan dorongan kepada umat Islam untuk sentiasa kembali kepada Allah dan memperbaiki diri menjadi hamba yang lebih baik.

Analisis Teks: Menjauhi Kebatilan dan Penolakan Perkara Sia-sia

Prinsip ketiga *‘ibād al-Rahmān* dalam surah al-Furqan ayat 72 memfokuskan tentang menjauhi kebatilan dan tidak melayani perkara yang sia-sia. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ الزُّورَ وَإِذَا مَرُّوا بِاللَّغْوِ مَرُّوا كِرَامًا ٧٢

Terjemahan:

“Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang, dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya.”

(QS al-Furqan: 72)

Al-Ṭabarī (1999) menjelaskan bahawa penolakan saksi palsu atau kebatilan merujuk kepada tindakan menjauhi tempat maksiat, perayaan syirik serta perkataan dusta. Beliau menekankan bahawa apabila berhadapan dengan perbuatan sia-sia, golongan yang diredhai Allah itu tidak melibatkan diri atau membalas keburukan tersebut, sebaliknya memilih untuk mengabaikan dan berlalu pergi dengan menjaga maruah. Tafsirannya turut menjelaskan bahawa hamba Allah yang diredhai itu, mempraktikkan akhlak yang tinggi dengan menjauhi perkara yang tidak mendatangkan kebaikan.

Manakala Ibn Kathīr (2000) menekankan aspek pemeliharaan diri daripada sebarang bentuk kebatilan secara lisan mahupun kehadiran fizikal. Beliau menjelaskan bahawa golongan *‘ibād al-Rahmān* tidak membuang masa untuk berdebat atau terlibat dalam perbuatan yang tidak memberi manfaat agama dan dunia. Penegasan bahawa mereka berlalu dengan cara yang mulia, adalah hujah yang kuat bagi menolak keterlibatan dalam konflik yang sia-sia.

Sayyīd Quṭb (1992) pula menyatakan bahawa ayat ini memberi perhatian dari aspek pembentukan hati nurani dan ketinggian akhlak. Beliau melihat bahawa penolakan terhadap kebatilan bukan sekadar mengelak daripada berbohong, tetapi mencerminkan kepekaan jiwa yang menentang segala bentuk penipuan dan ketidakadilan. Penekanan kepada tindakan berlalu pergi dengan penuh kemuliaan dan harga diri, menunjukkan fokus hamba Allah terhadap perkara yang lebih besar dan bermakna. Sayyīd Quṭb juga mentafsirkan bahawa sikap tidak melayani dan tidak terpengaruh dengan persekitaran negatif adalah cerminan pembinaan peribadi Muslim yang unggul.

Manakala al-Zuhaylī (1997) menjelaskan bahawa ayat ini mengandungi pelajaran tentang kematangan dan kebijaksanaan. Beliau tidak hanya menumpukan kepada larangan berbohong, malah mengajak manusia untuk tidak menyokong sebarang bentuk pembongkaran. Beliau mentafsirkan bahawa tindak balas yang tenang dan mulia ketika berhadapan dengan perkara sia-sia adalah tanda penolakan total terhadap budaya yang tidak bermoral. Tafsirannya menggabungkan aspek integriti dan kawalan emosi dalam memahami ayat.

Hamka (2007) pula menggunakan pendekatan yang sangat relevan bagi menjaga kesucian jiwa masyarakat moden. Beliau menyatakan ayat ini menunjukkan bahawa pemeliharaan diri daripada kebatilan meliputi penolakan kebohongan, penipuan dan kemaksiatan sosial. Hamka turut menekankan bahawa ketinggian budi pekerti ialah apabila seseorang itu tidak mencemarkan diri dengan membalas provokasi menggunakan perkataan yang sama.

Secara keseluruhannya, kesemua tafsiran tersebut menggariskan dua sifat penting *‘ibād al-Rahmān*. Pertama, mereka menjauhi segala bentuk kebatilan, sama ada dalam bentuk kesaksian

palsu, perkataan dusta atau kehadiran di majlis maksiat. Kedua, apabila mereka berhadapan dengan perkara yang sia-sia, mereka tidak melayaninya, sebaliknya berlalu pergi dengan penuh kehormatan dan kemuliaan. Para mufasir secara umumnya sepakat dalam mentafsirkan kedua-dua frasa ini dengan menekankan kepentingan menjaga lisan, perbuatan dan kehadiran daripada terlibat dalam perkara yang tidak diredhai Allah SWT. Ia mencerminkan akhlak yang tinggi, kesucian jiwa dan fokus kepada perkara yang bermanfaat di sisi agama.

Perbincangan Kajian

Pembentukan Watak Unggul dengan Keteguhan Tauhid dan Menjauhi Dosa Besar

Pembentukan watak unggul *'ibād al-raḥmān* bermula dengan pemeliharaan akidah dan kesucian peribadi daripada dosa-dosa besar yang membinasakan. Prinsip ini menjadi asas kepada pembinaan daya tahan diri yang ampuh. Dapatan kajian berdasarkan surah al-Furqan ayat 68 memanasifasikan bahawa asas keperibadian *'ibād al-raḥmān* dibina di atas paksi tauhid yang teguh dan penolakan mutlak terhadap tiga jenayah utama iaitu syirik, pembunuhan dan zina. Apabila dapatan tersebut disintesis dengan realiti kehidupan Gen Z pada era kontemporari, wujud suatu keperluan yang amat mendesak untuk menterjemahkan kefahaman teks al-Quran ke dalam bentuk perlindungan psikospiritual yang praktikal. Ekspresi pelanggaran hukum agama didapati telah berevolusi seiring dengan kepesatan era digitalisasi sekali gus menuntut pendekatan baharu dalam mendepaninya (Mohamad et al., 2025).

Melalui penelitian terhadap analisis teks, wujud satu wacana perbandingan yang menarik dalam kalangan mufasir berhubung konsep syirik. Al-Ṭabarī (1999) dan Ibn Kathīr (2000) menumpukan tafsiran mereka kepada keaslian teologi iaitu larangan mutlak menyekutukan Allah SWT secara fizikal dan ritual. Namun demikian, Sayyid Quṭb (1992) dan Hamka (2007) meluaskan tafsiran tersebut kepada dimensi psikososial dengan menegaskan bahawa tauhid adalah instrumen pembebasan jiwa daripada perhambaan kebendaan dan hawa nafsu. Perbandingan ini amat signifikan dengan realiti Gen Z yang kini berhadapan dengan ancaman syirik moden dalam bentuk pemujaan materialisme, obsesi terhadap populariti di media sosial serta penularan ideologi yang merosakkan akidah di alam siber (Saad, 2024). Sebagai contoh, kecenderungan sebahagian belia yang taasub mengikuti trend tular demi mendapat perhatian warga maya sehingga sanggup menggadaikan prinsip agama adalah manifestasi perhambaan moden yang menyimpang daripada tauhid. Lebih membimbangkan, sisa amalan khurafat lampau masih subur dan kini dijenamakan semula secara digital sehingga menjejaskan pergantungan mutlak generasi muda kepada Allah SWT (Nasir et al., 2025). Oleh yang demikian, penerapan nilai tauhid yang utuh sepertimana gagasan para ulama amat penting bagi membebaskan jiwa belia daripada belenggu tersebut (Ahmad et al., 2021).

Beralih kepada larangan membunuh jiwa yang diharamkan, pandangan Ibn Kathīr yang mengikat justifikasi pengambilan nyawa secara ketat kepada perundangan syariah membuktikan bahawa Islam menolak sebarang bentuk keadilan semberono yang didorong oleh emosi. Pandangan tersebut disokong oleh Sayyid Quṭb (1992) dan al-Zuhaylī (1997) yang mengangkat nilai keluhuran nyawa sebagai penghormatan terhadap kemanusiaan itu sendiri. Tafsiran ayat "*membunuh jiwa*" dalam konteks Gen Z boleh dikiaskan kepada jenayah penindasan psikologi dan keganasan fizikal yang memusnahkan kelangsungan hidup seseorang. Isu buli siber yang ekstrem di platform TikTok mahupun penderaan fizikal di asrama institusi pendidikan adalah contoh kritikal yang telah banyak mengorbankan nyawa mangsa akibat tekanan mental dan kemurungan yang berakhir dengan tindakan bunuh diri (Ab Aziz et al.,

2020). Isu gejala salah laku remaja dan peningkatan kes jenayah juvana yang tragis menuntut agar satu kerangka pencegahan yang holistik diwujudkan berteraskan perundangan jenayah yang komprehensif (Samsudin, 2025). Bagi menangani barah keganasan daripada terus menular, elemen rawatan psikospiritual berpandukan karakter *'ibād al-raḥmān* wajib diintegrasikan sebagai mekanisme pemulihan sahsiah mangsa dan pelaku buli (Saparudin & Che Soh, 2018).

Elemen ketiga yang menuntut penelitian paling kritis ialah penolakan terhadap jenayah zina. Perbandingan tafsiran memperlihatkan pentafsir Hamka (2007) dan al-Zuhaylī (1997) memberikan hujah sosiologi yang mendalam dengan melabelkan zina sebagai barah sosial yang meruntuhkan institusi keturunan dan kelestarian tamadun. Kebimbangan para mufasir merupakan realiti tepat yang sedang melanda masyarakat hari ini. Perkembangan dunia digital tanpa sempadan menyebabkan Gen Z berhadapan dengan ketiadaan literasi digital yang menjurus kepada penerimaan budaya seks bebas, aktiviti perkongsian kandungan lucah dan penggunaan aplikasi janji temu secara tidak bermoral (Ismail et al., 2023). Gaya hidup berisiko tersebut memacu peningkatan kes pergaulan bebas, yang akhirnya mencetuskan polemik dari sudut klasifikasi perundangan, iaitu kekeliruan sama ada kes yang melibatkan pesalah bawah umur harus didakwa sebagai jenayah zina ataupun rogol statutori (Abdulah & Kamaruzaman, 2022). Implikasi keruntuhan akhlak belia turut membarah kepada polemik pembuangan bayi dan pengurusan anak tidak sah taraf yang merobek institusi kekeluargaan Islam di Malaysia (Ismail et al., 2020). Sehubungan dengan itu, usaha menangani krisis penzinaan era moden perlu ditangani secara proaktif melalui pengenalan pendidikan pencegahan mutlak dalam sukatan kesihatan reproduktif bagi membina benteng kehormatan diri generasi muda (Mustafa et al., 2022).

Kesimpulannya, analisis silang antara pandangan para mufasir dan senario semasa membuktikan bahawa prinsip kerangka *'ibād al-raḥmān* menawarkan diagnosis dan solusi yang amat relevan. Penekanan tauhid untuk melawan unsur syirik moden dan penjagaan nyawa bagi membanteras budaya buli siber serta penolakan zina demi menyekat kerosakan sosioseksual merupakan kompas moral yang wajib dibumikan. Kefahaman holistik ini perlu digarapkan bersama strategi intervensi sosial bagi mengembalikan Gen Z ke arah pembentukan watak unggul dan fitrah kemanusiaan yang beretika.

Pemulihan Jiwa Dengan Konsep Taubat dan Harapan

Pemulihan jiwa dalam kerangka *'ibād al-raḥmān* dikenali melalui konsep taubat, iaitu perubahan diri yang dibentuk melalui penyesalan, keimanan dan komitmen amal soleh. Konsep ini sangat jelas dalam jaminan rahmat Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang ingin kembali kepada jalan kebenaran. Dapatan kajian berdasarkan surah al-Furqan ayat 70 dan 71 membuktikan bahawa pemulihan jiwa dalam kerangka *'ibād al-raḥmān* dibina menerusi konsep taubat dan ruang harapan yang luas. Apabila dapatan tersebut disintesis dengan isu kesejahteraan psikososial Gen Z, elemen pemulihan didapati bertindak sebagai penawar yang tuntas bagi merawat kecelaruan jiwa akibat ketelanjuran tingkah laku. Pelaksanaan terapi spiritual yang mengangkat nilai pengampunan amat diperlukan bagi membimbing generasi muda menangani dampak kesihatan mental yang sering kali berpunca daripada rasa bersalah yang tidak tertanggung atau tekanan hidup era pascapandemik (Rosman et al., 2022).

Melalui penelitian terhadap perbandingan analisis teks, al-Ṭabarī (1999) dan Ibn Kathīr (2000) menumpukan proses taubat kepada jaminan perubahan rekod masa lalu melalui tindakan ketaatan, manakala Sayyid Quṭb (1992) dan Hamka (2007) mengangkat taubat sebagai proses

pemulihan psikologi dan rohani yang menghalang manusia daripada sifat putus asa. Perbandingan wacana tersebut sangat selari dengan keperluan penubuhan modul psikoterapi Islam yang holistik. Sebagai contoh, institusi pendidikan seperti Sekolah Harapan Melaka telah mula mempraktikkan konsep taubat ke dalam silibus mereka bagi merawat remaja perempuan yang terlanjur akibat pergaulan bebas, dengan menanamkan optimisme bahawa kesilapan lalu bukanlah pengakhiran hidup (Baharizan & Ismail, 2019). Keberkesanan modul pemulihan itu disokong oleh pandangan ulama tersohor iaitu al-Ghazali (2020) yang menstrukturkan model taubat (*M-TaG*) secara sistematik bermula dengan penyucian akidah, permohonan keampunan dan disusuli tindakan fizikal (Abdullah et al., 2014). Model tersebut turut diketengahkan oleh al-Ghazali (2020) sebagai intervensi rohani yang ampuh bagi memperbetulkan krisis akidah dan kekeliruan identiti gender dalam kalangan kelompok transgender atau mak nyah Muslim di negara ini (Nawawy & Ahmad, 2021).

Seterusnya, berhubung pengisytiharan kualiti taubat nasuha, tafsiran al-Zuhaylī (1997) menegaskan bahawa penerimaan taubat mensyaratkan pembudayaan amal soleh secara konsisten bagi menyucikan jiwa. Melihat realiti perundangan Islam semasa, tuntutan perubahan komitmen telah diinstitusikan melalui pelaksanaan proses *istitabah* iaitu prosedur permohonan taubat rasmi bagi kesalahan jenayah syariah yang melibatkan penyelewengan akidah (Ahmad, 2019). Bagi Gen Z yang mungkin terjebak dengan ajaran sesat atau terpengaruh dengan doktrin anti hadis di media sosial, rawatan pemulihan akidah melalui modul *istitabah* terbukti berkesan dalam membimbing pesalah kembali ke pangkal jalan, seperti mana kejayaan program pemulihan kes ajaran sesat Abdul Kahar di Baitul Iman, Selangor (Dimon et al., 2019; Ismail et al., 2024). Pemakaian proses pemulihan akidah secara berstruktur oleh pihak berkuasa agama merupakan manifestasi kerahmatan Islam yang memberi peluang kedua kepada pesalah untuk membuktikan keazaman mereka sepertimana intipati yang digariskan di dalam surah al-Furqan (Fathillah et al., 2023).

Selain itu, elemen penukaran sejarah keburukan menjadi kebaikan sebagaimana yang ditafsirkan oleh Sayyid Quṭb (1992) turut memperlihatkan keperluan penerapan kaedah *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) dalam memulihkan sahsiah golongan sasar. Proses pembersihan hati tidak hanya terhad kepada rawatan individu bermasalah, malah ia bertindak sebagai tunjang pendidikan integriti bagi melahirkan insan yang berkualiti secara spiritual (Hashim et al., 2025; Yahya et al., 2024). Bagi remaja bermasalah yang ditempatkan di pusat serenti mahupun banduan wanita muda di institusi penjara, program keagamaan yang menerapkan kaedah taubat nasuha didapati berjaya memulihkan konsep sendiri mereka untuk bangkit memulakan kehidupan baharu dengan orientasi yang jelas (Jalil et al., 2016; Ramli & Nazim, 2018). Pendekatan psikoterapi berteraskan kekuatan iman dan penyerahan diri secara total merupakan perisai ampuh bagi mengekang masalah keruntuhan akhlak dan salah laku remaja daripada terus membarah dalam masyarakat (Saâ & Muhsin, 2012; Zulkipli et al., 2025).

Justeru, analisis membuktikan bahawa konsep taubat dan harapan dalam kerangka *‘ibād al-rahmān* bukan sekadar amalan ritualistik, sebaliknya ia merupakan pemulihan jiwa dan instrumen klinikal dalam psikoterapi Islam. Jaminan rahmat Allah SWT dan ruang perubahan yang luas harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh pendidik dan pelaksana dasar bagi memastikan Gen Z yang tersasar mampu kembali membina semula identiti diri mereka menjadi ahli masyarakat yang berdaya tahan dan berakhlak mulia.

Pembinaan Integriti dan Penolakan Perkara Sia-sia

Prinsip *‘ibād al-rahmān* membawa kepada pembinaan integriti diri dengan menjauhi kebatilan dan tidak melayani perkara yang sia-sia, sebagaimana dirakam dalam surah al-Furqan ayat 72. Dapatan kajian memperlihatkan kepada dua karakter utama iaitu penolakan terhadap pembohongan dan sikap profesional apabila berhadapan dengan provokasi atau perkara tidak bermanfaat. Apabila dapatan tersebut disintesiskan dengan gaya hidup Gen Z, prinsip penjagaan lisan dan kawalan tingkah laku amat kritikal untuk diaplikasikan dalam mendepani cabaran interaksi yang rencam di alam maya (Abd Razzak et al., 2023). Menerusi perbandingan tafsiran, al-Ṭabarī (1999) dan Ibn Kathīr (2000) menegaskan bahawa penolakan saksi palsu menuntut umat Islam memelihara diri daripada sebarang penyebaran pembohongan secara lisan mahupun kehadiran fizikal.

Jika diteliti dalam konteks kehidupan belia masa kini, kebatilan termanifestasi melalui budaya penyebaran berita palsu yang pantas tanpa sempadan geografi sehingga sering kali memerangkap generasi muda akibat ketiadaan tapisan maklumat yang sahih (Riffin & Kusrin, 2018). Sebagai contoh, Gen Z yang cenderung bertindak sebagai ejen penyebar maklumat di platform media sosial tanpa usul periksa, sangat terdedah kepada risiko bersubahat dalam penipuan siber. Tambahan pula, manipulasi maklumat dan penyelewengan fakta agama yang turut disebarkan secara berleluasa di platform perkongsian video global menuntut kepekaan tinggi agar belia tidak menyokong kemungkaran intelektual tersebut (Abd Razzak et al., 2022). Oleh yang demikian, ketegasan memboikot kepalsuan sepertimana gagasan ulama amat diperlukan bagi membina jati diri digital yang berintegriti.

Beralih kepada elemen tidak melayani perkara yang sia-sia, Sayyīd Quṭb (1992) dan Hamka (2007) memberikan hujah psikologi yang amat relevan dengan menyatakan bahawa hamba yang mulia tidak akan terpengaruh dengan persekitaran negatif apatah lagi membalas provokasi menggunakan perkataan yang kesat. Pandangan tersebut bertindak sebagai teguran langsung terhadap senario komunikasi Gen Z yang kini dilihat semakin parah dengan lambakan kenyataan berbaur kebencian di ruangan komen pelbagai platform sosial (Samsu et al., 2024). Contoh yang paling ketara adalah ketidakmatangan emosi dalam mengendalikan perdebatan pendapat yang sering kali mencetuskan fenomena buli siber yang ekstrem sehingga memusnahkan kesejahteraan psikologi mangsa terutamanya dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi (Hakim et al., 2023). Keterlibatan remaja dalam pertelingkahan maya yang hanya didorong oleh persepsi negatif dan budaya ikut-ikutan jelas bertentangan dengan etika komunikasi al-Quran (Mokhtar & Hassan, 2021). Justeru, prinsip “*mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya*” dalam ayat 72 surah al-Furqan wajar dijadikan mekanisme kawalan sendiri agar generasi muda tidak mencemarkan budi pekerti mereka dengan membalas caci maki di alam siber.

Seterusnya, tafsiran al-Zuhaylī (1997) mengangkat tindak balas yang tenang ketika berhadapan dengan perkara sia-sia sebagai kayu ukur kematangan dan kebijaksanaan dalam mengawal emosi. Beliau mengajak manusia untuk memelihara harga diri dengan mengabaikan perdebatan yang langsung tidak mendatangkan manfaat agama mahupun pembangunan keduniaan. Pendekatan tersebut sangat bertepatan dengan krisis psikososial baharu yang melanda Gen Z iaitu sindrom kebimbangan ketinggalan perkembangan semasa atau lebih dikenali sebagai FOMO di platform media sosial (Rashid et al., 2025). Obsesi untuk sentiasa kekal relevan menyebabkan belia membuang masa yang berharga dengan melayani trend yang sia-sia dan adakalanya tidak bermoral semata-mata untuk meraih pengesahan dan pengiktirafan sosial daripada warga maya. Bagi mengatasi kemelut kelodak minda, keupayaan pendengaran aktif

dan pembinaan akal berteraskan nilai al-Quran perlu diperkasakan dari awal agar belia mampu menyaring kandungan digital secara rasional dan matang (Nor et al., 2023). Secara tidak langsung, penterjemahan etika melalui tingkah laku yang mulia di dunia siber merupakan manifestasi terbaik bagi membuktikan kebijaksanaan emosi Gen Z dalam menolak budaya negatif (Ab Latif et al., 2022).

Sehubungan dengan itu, sintesis wacana membuktikan bahawa prinsip pembentukan integriti dan penolakan perkara sia-sia dalam kerangka *'ibād al-raḥmān* menyediakan panduan navigasi sosial yang sangat komprehensif. Kefahaman untuk menahan diri daripada menyebarkan kepalsuan, mengawal emosi ketika diprovokasi serta kebijaksanaan memboikot trend maya yang membuang masa merupakan perisai psikospiritual yang ampuh. Penerapan nilai etika luhur ke dalam kemahiran literasi digital generasi muda wajar dipergiatkan bagi melahirkan warga siber yang bukan sahaja pintar teknologi malah sarat dengan kematangan budi pekerti.

Kesimpulan

Kajian ini secara tuntasnya membuktikan bahawa kerangka prinsip-prinsip *'ibād al-raḥmān* menerusi Surah al-Furqan menyediakan kompas psikospiritual yang amat holistik bagi Gen Z dalam mendepani rencam cabaran kontemporari. Analisis terhadap ayat 68 hingga 72 surah al-Furqan memperlihatkan bahawa pembinaan jati diri unggul bermula dengan paksi tauhid yang kukuh dan penolakan mutlak terhadap kemungkaran besar, disusuli dengan ruang taubat dan harapan sebagai terapi pemulihan jiwa dan diakhiri dengan pembentukan integriti dalam menolak perkara sia-sia. Implikasi dapatan jelas menunjukkan bahawa solusi terhadap krisis moral, kecelaruan identiti dan kelunturan adab di alam siber tidak boleh bergantung semata-mata kepada instrumen perundangan atau teknologi luaran. Sebaliknya, pendekatan al-Quran menawarkan rawatan dalaman yang berupaya membebaskan belia daripada cengkaman syirik moden, tekanan sosialisme dan budaya digital yang merosakkan, sekali gus membentuk benteng pertahanan sendiri yang utuh berasaskan kebergantungan kepada Allah SWT.

Bertitik tolak daripada realiti tersebut, kajian mengemukakan beberapa cadangan strategik bagi memperkasa daya tahan generasi muda ke arah yang lebih lestari. Pihak berkepentingan khususnya institusi pendidikan, agensi agama serta penggubal dasar sosial disarankan agar mengintegrasikan prinsip-prinsip *'ibād al-raḥmān* ke dalam pembinaan modul intervensi psikososial dan silibus literasi digital secara bersepadu. Elemen seperti pengukuhan ilmu tauhid, pencegahan maksiat dan kemungkaran, kemahiran pendengaran aktif untuk menyaring maklumat, terapi penyucian jiwa bagi pesalah laku serta etika komunikasi Islam perlu diangkat sebagai teras utama dalam melatih belia mengemudi arus teknologi masa kini. Melalui penyinerjian antara kefahaman teks suci dan aplikasi realiti semasa, kelestarian pembangunan modal insan dapat dijamin lantas melahirkan pewaris kepimpinan negara yang bukan sahaja pintar mencerna lambakan maklumat, malah teguh peribadinya dengan keluhuran budi pekerti.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan daripada mana-mana agensi pemberi geran, sama ada di sektor awam, komersial, atau bukan berasaskan keuntungan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Siti Nurwanis Mohamed bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Monika@Munirah Abd Razzak mengendalikan analisis tematik teks al-Quran serta tafsiran dapatan kajian. Sabirin Yusoff menyumbang kepada sorotan literatur dan penyediaan draf manuskrip. Siti Nuroh Mohamed menjalankan semakan kritikal manuskrip dan penyelarasan rujukan. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ab Aziz, N., Ab Hamid, Z., & Mohamad Amin, N. S. (2020). Buli dalam kalangan pelajar sekolah: Persidangan kumpulan keluarga sebagai alternatif kepada hukuman. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(2), 275–296.
- Ab Latif, M. N. H., Dollah, A., Ariffin, I., Ramli, M. F. M., Salleh, S. F., Mansor, N. S. A., & Embong, R. (2022). Penerapan konsep dakwah bi al-hal dalam mendepani dunia siber di kalangan masyarakat Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(3), 80–93.
- Abd Razzak, M., Rahim, N. M. Z. A., & Nor, H. M. (2023). Panduan al-Quran dan hadith terhadap Generasi Z bagi mengatasi isu dan cabaran media sosial. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 10(2), 203–226. <https://doi.org/10.22452/ris.vol10no2.11>
- Abdulah, N. A., & Kamaruzaman, N. A. F. (2022). Kekeliruan antara jenayah zina dan rogol statutori di Malaysia: Keperluan kepada penjelasan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 152–161. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.472>
- Abdullah, S., Sipon, S., Rafida, N., Ghani, S. A., Mutalib, M. M. A., & Nordin, N. (2014). Model taubat al-Ghazali (M-TaG). *'Ulum Islamiyyah Journal*, 13, 19–37. <https://doi.org/10.12816/0012627>
- Ahmad, N., Solihin, S. M., & Amir, A. N. (2021). Analisa ringkas tentang isu-isu akidah dalam tafsir al-Quran al-Karim. *KQT eJurnal*, 1(1), 22–36.
- Al-Ghazālī, I. (2020). *Ihyā' 'ulūm al-dīn* (Jil. 10). Nuansa Cendekia.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad ibn Jarīr. (1999). *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl Āy al-Qur'ān* (Tafsīr al-Ṭabarī). Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- Al-Zuhaylī, W. (1997). *Tafsīr al-munīr fī al-'aqīdah wa-al-sharī'ah wa-al-manhaj*. Dār al-Fikr al-Mu'āshir.
- Baharizan, N. A., & Ismail, A. D. (2019). Repentance concept practice in syllabus of Islamic education at Sekolah Harapan Melaka. *al-Qanātir: International Journal of Islamic Studies*, 13(1), 32–38.
- Brodsky, J. E., Lodhi, A. K., Powers, K. L., Blumberg, F. C., & Brooks, P. J. (2021). "It's just everywhere now": Middle-school and college students' mental models of the internet. *Human Behavior and Emerging Technologies*, 3(4), 495–511. <https://doi.org/10.1002/hbe2.281>
- Dimon, Z., Azizan, N. I., Ismail, N., Ghani, H. A., Piah, N. M., Abdullah, M. R., & Effendy, N. M. (2019). Pendekatan taubat (istitabah) bagi kesalahan ajaran sesat di Baitul Iman, Selangor: Sorotan kes Abdul Kahar Ahmad. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 1–15.
- Fathillah, M. F. M., Niteh, M. Y., Basir, A., Noor, M. S. M., & Shahabudin, M. F. R. (2023). Amalan istitabah dalam pelaksanaan pemulihan akidah di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 1–8. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.232>
- Hakim, M. L., Zulaikha, D. R. I., Sahira, N. A., Najwa, W. N., Yusrin, F., & Hafizudin, M. N. (2023). Kesan buli siber terhadap psikologi individu: Kajian kes mahasiswa UTHM. *Human Sustainability Procedia*, 3(1), 85–96. <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.007>
- HAMKA. (2007). *Tafsir al-Azhar* (Jil. 1–9). Jakarta, Indonesia: Pustaka Panjimas.
- Hashim, M., Zumrah, A. R., Ibrahim, M., Ibrahim, Z., Yussuf, A., & Masrom, N. W. (2025). Pembersihan hati dalam tafsir sufi Isharī berkaitan pendidikan integriti individu. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 21(2), 1–25. <https://doi.org/10.33102/jmq.v21i2.536>
- Ibn Kathīr, al-Ḥāfiẓ Abī al-Fidā' Ismā'īl 'Umar al-Qurashī al-Dimashqī. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm* (Jil. 1–4). Beirut, Lubnan: Dār Ibn Ḥazm.
- Intan Farhana Saparudin, & Siti Nabilah Che Soh. (2018). Elemen psiko-spiritual dalam menangani delinkuensi remaja. Dalam *Human Sustainability Procedia: INSAN 2018 E-Proceeding* (hlm. 417–422). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- Ismail, W. A. F. W., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., Mamat, Z., Hashim, H., Husin, S. N. M. S., & Alias, M. A. A. (2023). Kesan ketiadaan literasi digital ke arah salah laku seksual dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(1), 91–107. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v10i1.97>
- Ismail, W. A. F. W., Shukor, S. A., Mutalib, L. A., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., & Salleh, N. S. S. N. (2020). Faktor dan penyelesaian isu anak tak sah taraf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. *INSLA e-Proceedings*, 3(1), 136–146.
- Ismail, W. Z. W., Dahalan, H. M., & Rashid, A. M. (2024). Pelaksanaan proses istitabah: Satu perbandingan antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan. *Journal of Muwafaqat*, 7(2), 41–55.
- Jalil, S. J. A., Yusoff, Y. M., & Ismail, R. (2016). Peranan program keagamaan terhadap pemulihan konsep sendiri banduan wanita di Malaysia. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 18(2), 193–228.
- Jayatissa, K. A. D. U. (2023). Generation Z—A new lifeline: A systematic literature review. *Sri Lanka Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 179–186. <https://doi.org/10.4038/sljssh.v3i2.110>
- Mohamad, H., Ayub, M. N., & Hassan, S. H. M. (2025). Ekspresi dosa-dosa besar dalam al-Quran dan hadith: Satu penelitian terhadap isu-isu di era digitalisasi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10(77), 111–128.
- Mohamed, S. N., Mohamed, S. N., & Yusoff, S. (2025). Peranan mempengaruhi digital di TikTok dalam penyebaran al-Qur'an dan hadis: Satu tinjauan naratif. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 193–209.
- Mokhtar, M. M. B. M., & Hassan, H. B. (2021). Pengaruh faktor persepsi negatif dan budaya tular terhadap buli siber di media sosial dalam kalangan pelajar dan golongan muda. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7–15.
- Muhammad Syukri Samsudin. (2025). Tertuduh juvana menurut perspektif undang-undang jenayah Malaysia dan Islam. *International Journal of Islamic Studies, Islamic Finance and Management*, 3(2), 72–85.
- Mustafa, N., Bakar, A. L. A., Basri, M., & Usman, A. (2022). Abstinence education and sexual transmitted disease regarding sexuality health and reproductive in Malaysia. *MENARA: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(1), 80–102.
- Nasir, K., Ahmad, K., Zabidi, A. Z. M., Abdullah, A. N., Salleh, N. H. M., & Mokhtar, W. R. W. (2025). Konsep Shamanism dalam hadith dan implikasinya terhadap fenomena perbomohan kontemporari di Kelantan. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(3), 192–207. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i3.268>
- Nor, H. M., Abd Razzak, M., & Norasid, M. A. (2023). Pendengaran membangun akal menurut al-Quran: Panduan kepada Gen Z. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 21(1), 79–104. <https://doi.org/10.1163/22321969-20230126>
- Norhidayah Mohamad Nawawy, & Hasan Ahmad. (2021). Akidah transgender mak nyah Muslim dan konsep taubat melalui pemikiran Imam al-Ghazali. *Jurnal Al-Sirat*, 19(1), 41–57.
- Nurul Afiza Razali, Hera, & Jasmi. (2019, 15 Disember). Media sosial dan impak negatif menurut Islam. Dalam *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia (SSTM'19)* (hlm. 33–48). Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurul Solehah, & Jamaluddin. (2019). Kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku pelajar. Dalam *e-Prosiding Seminar Teknologi Multimedia & Komunikasi ke-19 (SMTComm'19)* (hlm. 121–127). Universiti Utara Malaysia.
- Quṭb, S. (1992). *Fī zilāl al-Qur'ān*. Dār al-Shurūq.

- Ramli, N. A., & Nazim, A. M. (2018). Pendekatan taubat nasuha dalam menangani remaja bermasalah. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 2(1), 1–10.
- Rashid, A. M., Serji, R. A. M., Ghani, N. A., Aziz, T. N. R. A., & Shah, W. N. A. W. M. (2025). Bimbang ketinggalan perkembangan (FoMO) di media sosial menurut perspektif Islam. *Journal of Muwafaqat*, 8(2), 156–173.
- Rather, S., & Khazer, M. (2019). Impact of smartphones. *Library Philosophy and Practice (e-journal)*, 2384.
- Riffin, F. M., & Kusrin, Z. M. (2018). Penularan berita menurut syarak dan perundangan di Malaysia. *al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 11(1), 15–32.
- Rosman, S. Z. R., Abd Razak, S. R., Ibrahim, S. Z., & Mohamad, N. (2022). Terapi taubat dalam menangani dampak kesihatan mental COVID-19. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 9(1), 76–85.
- Saâ, C. Z., & Muhsin, S. B. S. (2012). Cadangan model psikoterapi remaja Islam berasaskan konsep tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Usuluddin*, 36, 49–74.
- Saad, K. B. M. (2024, November). Penyebaran doktrin ajaran sesat di alam siber: Ancaman akidah umat Islam di Malaysia. Dalam *Proceeding Global Vocational Education Symposium* (Vol. 1, No. 1, hlm. 23–27).
- Samsu, K. H. K., Ismail, M. M., Lee, Y. F., Ab Razak, R. R., Ab Majid, A., Nor, M. S. M., & Adnan, Z. H. (2024). Tahap kefahaman mengenai kenyataan berbau kebencian di media sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia. *Sains Insani*, 9(2), 246–257.
- Sirajul Fuad Zis, Nursyirwan Effendi, & Elva Ronaning Roem. (2021). Perubahan perilaku komunikasi generasi milenial dan generasi Z di era digital. *Satwika: Kajian Ilmu Budaya dan Perubahan Sosial*, 5(1), 69–87.
- Szymkowiak, A., Melović, B., Dabić, M., Jeganathan, K., & Kundi, G. S. (2021). Information technology and Gen Z: The role of teachers, the internet and technology in the education of young people. *Technology in Society*, 65, 101565. <https://doi.org/10.1016/j.techsoc.2021.101565>
- Yahya, M. A., Mahaiyadin, M. H., & Osman, A. S. (2024). Peranan tasawuf dan tarekat dalam pembinaan spiritual insan yang berkualiti. *al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 33(2), 51–61.
- Zulkipli, S. N., Suliaman, I., Abidin, M. S. Z., & Hidayat, Z. (2025). Penghayatan iman, Islam dan ihsan sebagai asas pendekatan psikoterapi Nabawi terhadap kesihatan mental. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 23(2), 289–331. <https://doi.org/10.1163/22321969-20250175>